

BERITA HARIAN

'Baru kenal Lingam'

Dr Mahathir nafi keputusan pelantikan hakim dipengaruhi

Oleh Anwar Hussin
dan Munira Yusoff

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menafikan ada orang lain mempengaruhi keputusannya berhubung urusan pelantikan hakim walaupun beliau mendapat pandangan beberapa pihak lain mengenai perkara itu.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu bagaimana isu sulit berhubung pelantikan hakim boleh diketahui oleh peguam, Datuk VK Lingam sehingga perkara itu dibincangkannya seperti yang dirakam dalam klip video.


Malah, Dr Mahathir memberitahu prosiding siasatan Suruhanjaya Diraja yang masuk hari keempat, di sini, semalam bahawa beliau hanya mengenali Lingam selepas melantiknya sebagai peguam untuk kes saman malu terhadapnya oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menjawab soalan Peguam Pemertama Majlis Peguam, Christopher Leong, Dr Mahathir menjelaskan beliau tahu mengenai Lingam melalui akhbar dan tidak menafikan mungkin kali pertama menghubungi peguam itu melalui ahli perniagaan Tan Sri Vincent Tan.

"Beliau masih peguam saya. Saya banyak mendengar dan membaca mengenai Lingam dalam akhbar. Beliau banyak menang kes dan saya andaikan beliau seorang peguam yang bagus.

"Dakwaan (dalam transkrip dan rakaman klip video itu) bahawa Vincent Tan membawa Lingam ke rumah saya beberapa kali adalah tidak benar," kata Dr Mahathir.

Menjawab soalan Leong sama ada Lingam tidak pernah ke rumahnya, Dr Mahathir menjawab: "(Beliau datang) selepas saya melantiknya sebagai peguam dan itu pun adalah



JADI TUMPUAN: Tun Dr Mahathir hadir memberi keterangan kepada Suruhanjaya Diraja yang menyiasat kes klip video Lingam, semalam.